

EDUCATIONAL APPROACH TO PRE-MARITAL PREGNANT TEENAGERS**PENDEKATAN PROGRAM PENDIDIKAN KE ATAS REMAJA HAMIL LUAR NIKAH**

Azahar Yaakubⁱ, Norhafizah Musaⁱⁱ, Siti Suhaila Ihwaniⁱⁱⁱ, Adibah Muhtar^{iv}, Mohd Hambali Rashid^v, Zaharah Mustafa^{vi}, Nik Mohd Zaim^{vii}, Wan Ali Wan Jusoh^{viii} & Mohd Al'ikhsan Ghazali^{ix}

ⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. azahar.kl@utm.my

ⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. norhafiah.kl@utm.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. situsuhaila@utm.my

^{iv} Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. adibah_dm@utm.my

^v Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. mhambali.kl@utm.my

^{vi} Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. zaharah.kl@utm.my

^{vii} Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. nmzaim.kl@utm.my

^{viii} Pensyarah, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. wanali.kl@utm.my

^{ix} Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam; Felo al-Quran dan Hadis, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia. alikhsan.kl@utm.my

Abstract	<p><i>Teenage pregnancy is related to having sexual intercourse without marriage. This study focused on teenagers who lived at youth shelter homes after being pregnant without marriage. This paper aimed to identify effective education programs to be implemented in youth shelter homes. Methodology used was document analysis, where the data was collected from books and journal articles related to teen pregnancy. The findings present three main approaches to the program, problem solving approach, family system approach and finally religious approach.</i></p> <p><i>Keywords: Teenage pregnancy, education program, sexual intercourse.</i></p>
Abstrak	<p><i>Kehamilan dan kelahiran anak luar nikah berkaitan dengan hubungan seks sebelum berkahwin berpunca daripada pergaulan bebas, sumbang mahram dan jenayah rogol yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Kajian ini didasarkan kepada kajian kes kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja yang ditempatkan di rumah perlindungan sekitar negeri Selangor. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti program pendidikan yang bersesuaian dilaksanakan bagi membantu pembentukan akhlak remaja hamil luar nikah menjadi insan yang lebih baik. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen, di mana data dikumpulkan daripada buku dan artikel jurnal yang membincangkan isu remaja hamil luar nikah. Dapatan kajian ini mengemukakan tiga pendekatan utama pelaksanaan program iaitu pendekatan kaedah menyelesaikan masalah, pendekatan sistem keluarga dan pendekatan agama.</i></p> <p><i>Kata kunci: Remaja, hamil luar nikah, anak tidak sah taraf.</i></p>

PENDAHULUAN

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan penglibatan remaja dalam tingkah laku seks berisiko telah bermula seawal peringkat umur kanak-kanak lagi. Penglibatan remaja dalam aktiviti seksual pada usia yang muda dilihat sebagai satu masalah yang besar dan perlu dipandang serius oleh segenap lapisan masyarakat. Remaja yang terlibat dalam aktiviti seksual di usia muda mampu mengundang kesan yang mudarat terhadap emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak terbabit.

Satu kajian analisis jurnal telah dilakukan oleh Mohd Azri et.al. (2015) yang menganalisis 30 artikel jurnal sekitar tahun 2000 hingga 2014. Kebanyakan artikel jurnal mengkaji kehamilan remaja bawah umur kerana kesnya yang kian meningkat

dari tahun ke tahun dan negeri Sabah dan Sarawak merupakan dua negeri tertinggi di Malaysia yang mempunyai kes remaja hamil bawah umur iaitu 62.2%. Sehingga tahun 2013, terdapat seramai 510,462 anak tidak sah taraf yang berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, kajian ini (Mohd Azri et al. 2015) telah mengenal pasti 6 faktor utama yang menyebabkan kehamilan remaja bawah umur iaitu: 1) Kemiskinan; 2) Mengamalkan seks sebelum; 3) Tiada pemantauan ibu bapa; 4) Pencapaian akademik yang rendah; 5) Pengaruh rakan sebaya dan 6) Kurang pengetahuan tentang seks, reproduksi dan kesihatan. Kebanyakan artikel yang dianalisis oleh Mohd Azri et al. (2015) telah melaksanakan kajian di rumah-rumah perlindungan yang menempatkan remaja mengandung luar nikah. Kajian mencadangkan supaya kajian lanjutan dilaksanakan kepada remaja yang telah keluar daripada rumah perlindungan dan tinggal bersama masyarakat untuk mengkaji apa yang berlaku dengan mereka. Selain daripada itu, kajian berkaitan persepsi remaja lelaki yang terlibat dengan seks sebelum nikah dan suami muda turut dicadangkan dalam kajian ini.

Oleh itu, program-program yang dilaksanakan di rumah perlindungan harus dinilai semula bagi memastikan pelatih yang tinggal di situ benar-benar boleh berubaj ke arah insan yang lebih baik.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Data diperolehi daripada buku dan artikel jurnal berkaitan kesenian menurut Islam. Data dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat pelbagai pendekatan yang bersesuaian dilaksanakan oleh rumah perlindungan. Kajian ini telah mengenal pasti tiga pendekatan utama pelaksanaan program iaitu; pendekatan kaedah menyelesaikan masalah, pendekatan sistem keluarga dan pendekatan agama.

Kaedah Menyelesaikan Masalah

Pelbagai pendekatan yang boleh dilaksanakan dalam membasmi peningkatan masalah gejala sosial seperti kehamilan luar nikah. Antara pendekatan yang proaktif yang boleh dilaksanakan ialah pendedahan terhadap kemahiran menyelesaikan masalah. Kemahiran menyelesaikan masalah melibatkan proses pemikiran. Proses pemikiran ini boleh didefinisikan sebagai "proses penyusunan konsep atau idea berkaitan tentang sesuatu yang melibatkan beberapa aktiviti menyusun idea atau menjangka perkara tersembunyi, membuat kesimpulan untuk mendapatkan ilmu atau kemahiran baru akan digunakan untuk penyelesaian masalah yang kian mencabar". (Abdul Said et.al 2014). Sintesis dari definisi ini dapat difahami bahawa kemahiran berfikir yang betul mampu membuatkan seseorang mendapat ilmu pengetahuan, kemahiran dan menyelesaikan masalah yang di hadapi.

Oleh yang demikian, dapatlah difahami peri pentingnya untuk anak-anak remaja kini didedahkan dengan teknik dan kemahiran menyelesaikan masalah. Telah banyak kajian-kajian terkini menyatakan kepentingan kemahiran ini dalam membantu pembasmi kegiatan tidak bermoral. Min (2015) mengkaji tentang penyesuaian sosial remaja yang berkahwin hasil daripada hamil di luar nikah di daerah Jetis, Bantul, Indonesia. Hasil kajian menunjukkan bahawa remaja yang terlibat gagal mengawal masalah yang dihadapi dan membawa kepada perlakuan yang diharamkan Islam. Dengan kata lain, mereka tidak mampu menyelesaikan masalah berdasarkan kepada Syariah Islam. Walaubagaimanapun, Min (2015) tidak menyatakan tentang keperluan kepada kemahiran penyelesaian masalah tetapi mengutarakan masalah yang dihadapi remaja berkenaan. Secara tidak langsung, kemahiran menyelesaikan masalah menjadi keperluan kepada isu kehamilan luar nikah.

Menurut Haslinda (2016), bimbingan dan kaunseling adalah salah satu kemudahan yang dilaksanakan di Baitul Ehsan, Sabak Bernam, Selangor dan ianya tergolong dalam memupuk kemahiran menyelesaikan masalah kepada pelatih. Pendidikan dan bimbingan rohani kepada para pelatih turut ditekankan dan secara langsung memberi penekanan tentang kepentingan agama dan nilai moral. Kajian beliau tertumpu kepada keberkesanan modul kerohanian pemulihan akhlak remaja namun, melalui modul yang diperincikan, ianya menerangkan tentang tiga aspek kepada pendekatan program pendidikan.

Berbeza dengan Haslinda, Mahmudi (2016) menekankan tentang peranan bimbingan dan kaunseling Islam ke atas isu remaja hamil luar nikah. Mahmudi menyatakan bahawa kedah penyelesaian masalah harus dilaksanakan oleh kaunselor. Jika dilihat kepada cara penyelesaian yang dicadangkan Mahmudi, ianya merupakan salah satu daripada kemahiran menyelesaikan masalah kerana peranan kaunselor adalah membimbing individu yang bermasalah dalam menyelesaikan masalah. Walaupun dalam kajian Mahmudi, beliau tidak mengfokuskan kepada kemahiran penyelesaian masalah, peranan bimbingan dan kaunseling itu sendiri secara tidak langsung mendefinisikan kemahiran menyelesaikan masalah.

Pendekatan Sistem Keluarga

Kehidupan di zaman arus kemodenan ini mempunyai pelbagai pancaroba dan cabaran dalam membesarkan anak-anak. Ini kerana pelbagai penyakit sosial yang mampu memusnahkan peradaban umat Islam melanda golongan remaja. Dada-dada akhbar memaparkan pelbagai berita mengenai golongan remaja terjebak dalam kemahilan luar nikah merupakan salah satu isu yang membimbangkan. Statistik Kementerian Kesihatan pada tahun 2015 mendedahkan bahawa seramai 3,980 remaja berusia 10 hingga 19 tahun mengandungi anak luar nikah (Utusan, 2016). Maka dengan ini di lihat keutuhan sistem keluarga memainkan peranan utama dalam menangani gejala sosial ini. Institusi keluarga memainkan peranan penting dalam mengawal dan juga membasmi masalah remaja hamil luar nikah. Hal ini kerana Pendidikan pertama yang paling utama di di lalui setiap manusia adalah bermula dari rumah. Ibu bapa memainkan peranan yang penting untuk mendidik anak mereka tentang batas-batas pergawulan dan hubungan sumbang mahram. Perkara ini jelas di terangkan dalam hadis Nabi Muhammad SAW:

{ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ كَمَثَلِ الْبَيْمَةِ تُنْتَجِحُ الْبَيْمَةَ هَلْ تَرَى فِيهَا جَدْعَاءَ }

Maksudnya: "Abu Hurairah berkata; Nabi Shallallahu'alaihiwasallam bersabda: "Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah. Kemudian kedua orang tuanyalah yang akan menjadikan anak itu menjadi Yahudi, Nasrani atau Majusi sebagaimana binatang ternak yang melahirkan binatang ternak dengan sempurna. Apakah kalian melihat ada cacat padanya?" (Sahih Bukhari, Hadis 1296)

Tambahan lagi, kekuatan sistem keluarga di akui penting dalam usaha menangani gejala sosial sehinggakan kempen "Rumahku Syurgaku" menyatakan bahawa kepentingan rumah diibaratkan sebagai syurga menjamin keutuhan institusi keluarga diadakan secara besar-besaran (Jamaliah Malia, 2014). Maka yang demikian para ibu bapa perlulah menyahut cabaran bagi mengawal anak-anak remaja mereka dari terdedah kepada berlakunya kehamilan luar nikah ini.

Dalam membanteras masalah sosial ini, para ibu bapa hendaklah mengasuh, mendidik dan mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak mereka seperti peribahasa melayu ada menyatakan bagai menatang minyak yang penuh. Sesungguhnya anak-anak adalah amanah Tuhan yang di berikan pada para Ibu bapa. Setiap daripada ibu bapa akan dipersoalkan akan amanah yang

dipertanggungjawabkan kepada mereka ini. Ini jelas di terangkan di dalam sabda Nabi Muhammad SAW:

{والرجل راعٍ على أهل بيته ، وهو مسئولٌ عنهم . والمرأة راعيةٌ على بيتِ بعلها وولده ، وهي مسئولَةٌ عنهم. والعبْدُ راعٍ على مالِ سيِّده ، وهو مسئولٌ عنه. ألا فكلُّكم راعٍ، وكلُّكم مسئولٌ عن رعيته}

Maksudnya, "Seorang suami adalah pemimpin bagi anggota keluarganya, dan ia akan diminta pertanggungjawaban terhadap mereka. Seorang isteri adalah pemimpin bagi rumah tangga, suami dan anak-anaknya, dan akan diminta pertanggungjawaban terhadap yang dipimpinnya. Seorang hamba adalah pemimpin bagi harta tuannya, dan dia juga akan diminta pertanggungjawaban terhadap apa yang dipimpinnya. Ketahuilah setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap kamu akan diminta pertanggungjawaban atas apa yang kamu pimpin." (Riwayat Muslim, Hadis 3408).

Dengan penjelasan dari Hadis ini, para ibu bapa hendaklah melaksanakan tanggungjawab dan amanah ini dengan sebaiknya. Kesibukan mencari wang dan kebendaan sehingga tidak meluangkan masa sedikit pun untuk anak-anak sewajarnya di hindari. Hasil kajian menunjukkan bahawa kegagalan ibu bapa dalam mengawal anak-anak merupakan penyebab kepada berlakunya isu hamil di luar nikah dan peranan institusi kekeluargaan dapat menyelesaikan masalah sosial tersebut dengan menunjukkan suri tauladan yang baik daripada ibu bapa itu sendiri, pendidikan keagamaan, mengawal tindak-tanduk anak-anak dan sebagainya (Salasiah et al., 2014). Secara tidak langsung, hasil kajian Salasiah et al. (2014) membuktikan bahawa pendekatan sistem kekeluargaan adalah penting dalam menangani isu remaja hamil di luar nikah.

Sarnon et al. (2012) mengkaji tentang remaja hamil luar nikah dan mendapati bahawa memahami remaja adalah asas kepada intervensi keluarga. Ini menunjukkan, memahami perkembangan remaja yang terlibat dengan masalah hamil luar nikah dan mengetengahkan pendekatan sistem teori, intervensi krisis dan penyelesaian masalah yang boleh dilaksanakan ke atas keluarga yang dibelenggu masalah kehamilan remaja di luar nikah. Kajian Susantin (2015) mendapati pengawasan ibu bapa adalah penting bagi remaja yang hamil di luar nikah dengan memberikan tiga bentuk pengawasan dan salah satu daripadanya adalah mendidik keperibadian dan mendisiplinkan anak. Dengan demikian, kajian ini memberikan penekanan kepada pendekatan sistem kekeluargaan dalam menangani isu tersebut. Berbeza dengan kajian Disa (2012), kajian beliau tertumpu kepada remaja hamil di luar nikah akibat daripada gangguan seksual, atau dengan kata lain bukan atas keinginan remaja berkenaan tetapi dipaksa oleh orang dewasa yang tidak bertanggungjawab. Menurut Disa (2012), sokongan keluarga dan kawan adalah penting bagi remaja yang terlibat dengan isu berkenaan.

Selain daripada itu, para Ibu bapa dan ahli kelurga lain juga perlu melaksanakan tanggungjawab dengan memantau kebajikan dan tindak tanduk remaja. Pengawasan dan pemantauan yang baik mampu menyumbang kepada pembasmian masalah gejala sosial (Prisaria, 2012) seperti kehamilan luar nikah ini. Para ibu bapa perlu proaktif dengan mengambil inisiatif menghubungi pihak sekolah atau guru bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak mereka dari semasa kesemasa. Dengan terlaksananya perkara ini ibu bapa, guru dan pihak sekolah dapat berkerjasama dan bersatu untuk mencari jalan penyelesaian yang terbaik buat para remaja (Jamalia, Malia, 2014).

Bukan itu sahaja, teladan yang baik perlulah di tunjukan para ibu pada di hadapan anak-anak mereka. Demi memastikan anak-anak sentiasa menjaga tingah laku mereka, maka para Ibu bapa memainkan peranan awal dengan menunjukkan tingkah laku dan pertuturan yang positif. Hal ini kerana anak-anak sentiasa memerhati semua tinda tanduk ibu bapa mereka. Malah, kebanyakan tingkah laku dan pertuturan ibu bapa akan ditiru anak-anak. Perkara ini di persetujui oleh Stapa, Ismail, dan Yusuf (2012) di dalam penulisan mereka yang bertajuk "Faktor Persekitaran Sosial Dan

Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri”, mereka menyatakan bahawa pembentukan jati diri dan tindak tanduk anak-anak adalah di pengaruhi daripada Ibu bapa mereka. Para ibu bapa perlulah berusaha untuk manambahbaik kemahiran keibubapaan hari demi hari dalam memastikan mereka mampu melaksanakan pendidikan yang berkualiti buat anak-anak mereka. Perkara ini boleh dirujuk di dalam Surah Luqman bagaimana Luqmanul Hakim berusaha mendidik anak-anaknya menjadi Muslim yang berkualiti untuk bangsa dan agama:

﴿وَأُذِّنُ قَالًا لُقْمَانَ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَا بُنَيَّ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ۚ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ. وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, dikala sedang memberinya nasihat, (katanya) : Hai anakku! Janganlah engkau mempersekutukan Allah, kerana sesungguhnya syirik itu adalah suatu penganiayaan yang besar. Dan kami wajibkan manusia (taat) kepada ibubapa, ibunya yang telah mengandongnya (dengan menderita) lemah bertambah lemah dan berhenti menyusukannya dalam masa dua tahun (kami perintahkan): "Hendaklah engkau bersyukur kepadaKu dan kepada ibubapamu, kepada Aku lah tempat kembali.” (al-Quran. Luqman: 13-19)

Selain daripada ibu bapa, sebuah sistem keluarga juga mempunyai ahli lain di dalamnya seperti abang dan kakak. Mereka ini juga mempunyai peranan dalam membantu mencegah gejala kehamilan luar nikah ini. Setiap anggota di dalam ahli keluarga perlu tahu amanah dan tanggungjawab yang mereka pikul semasa ketiadaan Ibu bapa mereka. Perkara ini sedikit sebanyak dapat membantu memudahkan urusan ibu bapa dan mana-mana ahli keluarga. Walaubagaimanapun, itu bukanlah bererti ibu bapa boleh melepaskan tanggungjawab mereka sewenang-wenangnya. Ibu bapa harus sentiasa peka dengan aktiviti-aktiviti anak agar mereka tidak terjerumus dengan gejala sosial yang tidak sihat. Maka dengan ini jelaslah bahawa, sistem keluarga yang harmoni memainkan peranan besar dalam membendung kehamilan luar nikah ini.

Pendekatan Agama dan Nilai Moral

Agama dan Nilai Moral adalah salah satu kompenan penting dalam pembinaan masyarakat yang baik dan bertamadun. Melalui pendekatan agama dan nilai-nilai moral, pelbagai masalah sosial dapat di selesaikan. Ini termasuk lah juga masalah kehamilan luar nikah. Perkara ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Fauziah et. al (2015) di dalam kajiannya yang bertajuk “Aplikasi kaunseling kelompok terhadap konsep sendiri, kemurungan dan daya tahan remaja hamil luar nikah. ”. Beliau menemui bahawa, Intervensi Kelompok Pemusatan Insan dan Kaunseling Kelompok Psikologi Kognitif Ad-Din meningkatkan konsep sendiri, mengurangkan kemurungan dan meningkatkan daya tahan remaja hamil luar nikah. Berdasarkan hasil kajian tersebut, ianya dapat disimpulkan bahawa dua intervensi yang digunakan merangkumi penekanan agama dan nilai moral mampu membasmi masalah kehamilan luar nikah.

Agama merupakan teras kehidupan manusia, kehidupan manusia tanpa agama bagaikan hidup tanpa arah tujuan. Dengan petunjuk dan landasan agama yang benar maka manusia mampu untuk mamacu kehidupan di jalan yang benar dan melindungi diri dari segala anasir-anasir negatif dan menghancurkan. Perkara ini jelas di katakn oleh baginda Nabi Muhammad SAW di dalam hadis, bahawa selagi mana Muslim berpegang kepada Quran dan sunnah maka mereka tidak akan sesat selamanya;

{عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمَا بِمَا كَتَبَ اللَّهُ وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ}

Maksudnya; “Dari Abu Hurairah, r.a., dari Nabi SAW bahawa Baginda bersabda: "Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selagi

kamu berpegang teguh kepada keduanya, iaitu kitab Allah dan sunnah Rasulullah SAW." (Imam Malik).

Sesungguhnya masalah kehamilan luar nikah ini berlaku di sebabkan satu perbuatan terkutuk yang di larang Allah SWT di dalam Quran iaitu zina. Jika seorang Muslim benar-benar berpegang kepada petunjuk yang di jelaskan di dalam Quran dan sunnah maka masalah kehamilan di luar nikah ini dapat di basmi secara dari akar umbi lagi. Petunjuk jelas di dalam Quran menyatakan bahawa mendekati zina itu sudah termaktub perbuatan yang salah;

﴿وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَا إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا﴾

Maksudnya: "Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan)" (al-Quran. al-Isra: 32).

Menurut Ibn Kasir larangan melakukan zina dan juga perkara yang membawa dekat kepada zina seperti sebab-sebab dan seruan-seruannya. Daripada Abu Hurairah, sabda Rasulullah SAW:

{إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ عَلَى ابْنِ آدَمَ حَظَّهُ مِنَ الزِّنَا، أَدْرَكَ ذَلِكَ لَا مَحَالَةَ، فَرْنَا الْعَيْنَ النَّظْرُ، وَزَنَا اللِّسَانَ الْمِنْطِقُ، وَالْقَلْبَ تَمَنَّى وَتَشْتَهَى، وَالْفَرْجَ يُصَدِّقُ ذَلِكَ كُلَّهُ وَيُكَدِّبُهُ}

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah telah menetapkan bahagian zina untuk setiap anak Adam, dia akan mendapatkannya dan tidak boleh dihindari, maka zina mata dengan melihat, zina lidah dengan ucapan, zina hati dengan membayangkan dan merasakan syahwat, sedangkan kemaluan membenarkan semua itu atau mendustakannya." (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Perkara ini jelas menunjukkan betapa telitinya agama Islam dalam melindungi umatnya dari terjebak dengan kehamilan luar nikah. Penbanterasan awal perlu di laksanakan bagi memastikan masalah sosial yang lebih teruk tidak akan berlaku. Perkara ini diperjelaskan dalam banyak kajian terkini seperti yang di nyatakan Ghani & Loganathan (2010); Kamal (1998) dan Zahrin et.al (2014). Menurut Kamal (1998), kurangnya pendidikan agama telah menjadi salah satu punca kepada peningkatan gejala sosial dalam masyarakat hari ini. Sekiranya pendekatan agama dilaksanakan dengan teliti dan terancang dan di praktikkan oleh remaja maka gejala sosial seperti kehamilan luar nikah ini dapat di bendung.

Rentetan dari ini, kebejatan masalah sosial yang semakin menular kini dapat di basmi dengan pembinaan kerohanian yang kuat melalui agama (Norfadilah dan Zakaria 2014). Apabila agama betul difahami dan dipraktikkan maka secara tidak langsung akan terbinalah moral dan rohani yang baik. Hal ini kerana Islam itu sendiri adalah agama yang datang untuk membina akhlak dan moral yang baik. Rasulullah SAW adalah duta dan contoh tauladan terbaik, baginda sendiri di utuskan Allah SWT untuk membaiki moral manusia; Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku diutus untuk menyempurnakan akhlak yang baik." (Riwayat Bukhari). Dan Islam mengiktiraf bahawa orang kesempurnaan iman seorang mukmin itu dapat di nilai melalui moral mereka "Kaum Mukminin yang paling sempurna imannya adalah yang akhlaknya paling baik di antara mereka, dan yang paling baik di antara kalian adalah yang paling baik kepada isteri-isterinya" (Al-Tirmizi).

PENUTUP

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, terdapat 3 pendekatan yang boleh digunakan oleh rumah perlindungan dalam menyediakan program yang berkesan kepada pelatih iaitu kemahiran menyelesaikan masalah, , pendekatan sistem keluarga dan penekanan agama dan nilai moral.

RUJUKAN

Al-Quran

- Prisaria, N. (2012). Hubungan Pengetahuan dan Lingkungan Sosial terhadap Tindakan Pencegahan Penyalahgunaan Napza pada Siswa SMA Negeri 1 Jepara (Doctoral dissertation, Fakultas Kedokteran).
- Jamaliah Malia. (2014). Peranan Ibu bapa dalam mengatasi masalah remaja. Diambil 24/11/2017 dari <http://bmutkspm.blogspot.my>
- Abdul Said, A., Mohd Yusof, A., Baharom, M., Shukri, Z. dan Muhamad Suhaimi, T., dan Roslee, T. (2014). Menerapkan kemahiran berfikir. Minda Pendidik di ambil dari <http://eprints.ums.edu.my>
- Utusan Online (Sepetember, 2016). 3,980 remaja hamil anak luar nikah.
- Stapa, Z., Ismail, A. M., & Yusuf, N. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri (Social Environmental Factors And Their Relation To Identity Formation). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 155-172.
- Susantin, J. (2015). Urgensi kontinuitas pengawasan orang tua terhadap pergaulan anak: studi pada anak hamil di luar nikah. *KARIMAN: Jurnal Pendidikan Dan Keislaman*, 3(1), 121-132.
- Fauziah, M. S., Mohammad Aziz Shah, M. A., Norazani, A., Mohd Noor, I., & Che Anuar, C. A. (2015). Aplikasi kaunseling kelompok terhadap konsep sendiri, kemurungan dan daya tahan remaja hamil luar nikah. *Jurnal Bitara Edisi Khas (Psikologi Kaunseling)*, 8, 64-87.
- Salasiah, H. H., Rosmawati, M. R., Mohd Al-Adib, S., Fariza, M. S., Zainab, I., & Zuliza, M. K. (2014). The role of the Muslim family in dealing with adolescent out-of-wedlock pregnancy. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(29), 101-106.
- Sarnon, N., Mohamad, M. S., Fauziah, I., Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S. M., Zaizul, R., Wan Azreena, J. (2012). Hamil luar nikah: Memahami remaja sebagai asas intervensi keluarga. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 121-130.
- Disa, D. F. (2012). Resiliensi pada remaja putri yang mengalami kehamilan tidak diinginkan akibat kekerasan seksual. *Jurnal Penelitian dan Pengukuran Psikologi*, 1(1), 55-62.
- Min, J. K. W. (2015). Identifikasi penyesuaian sosial remaja yang menikah akibat hamil di luar nikah di kecamatan Jetis, kabupaten Bantul. *Jurnal Bimbingan dan Kaunseling*, 4(3), 1-16.
- Haslinda, M. (2016). Keberkesanan modul kerohanian pemulihan akhlak remaja di Baitul Ehsan daerah Sabak Bernam, Selangor. *Proceedings of the International Conference on Education towards Global Peace*, 1-73.
- Mahmudi, I. (2016). Peranan bimbingan dan konseling islami dalam menanggulangi kehamilan di luar nikah. *Counsellia: Jurnal Bimbingan dan Konseling*, 1(1).
- Kamal, A. H. (1998). *Profil juvana dan pengurusan pemulihan di Asrama Pokok Sena, Kedah*. (Unpublished Master Dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Ghani, F. A., & Loganathan, T. (2010). Gaya Hidup Remaja Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Peteri Resort, Pasir Gudang, Johor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zahrin, S. N. A., Sawai, R. P., Zaini, M. S. F., & Kasri, A. (2014). Pendekatan Dakwah Melalui 'Konsep Cinta Muslim'dalam Menangani Masalah Sosial. *Al-Hikmah*, 6(1), 21-34.
- Norfadilah, A. R., & Zakaria, S. (2014). Pembangunan kerohanian berasaskan al-Muhasibi dalam menangani gejala sosial masa kini. e-Proceeding of the International Conference on World Conference of Integration Knowledge (WCIK), 69-89. url: <https://worldconferences.net>
- Mohd Azri Mohd Suan, Adibah Hanim Ismail & Haliza Ghazali. 2015. A review of tennage pregnancy research in Malaysia. *Med Malaysia* Vol 70 (4): 214-219.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.